

30 SEP 2001

Gerakan-Islam

KONSEP NEGARA ISLAM ELOK DIBINCANG ELAK PERPECAHAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perbincangan terbuka mengenai konsep negara Islam yang diamalkan Malaysia akan membantu masyarakat pelbagai kaum negara ini memahaminya dan mengelakkan ia dari menjadi punca perpecahan, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata parti berbilang kaum itu berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memulakan perbincangan terbuka mengenai perkara itu semalam.

Katanya ini berikutan tindakan PAS yang telah menimbulkan isu penubuhan sebuah negara Islam apabila ia berkuasa.

"Ramai orang terutamanya masyarakat Cina dan orang bukan Islam yang lain mempunyai salah faham mengenai konsep negara Islam (cadangan PAS itu) sehingga menyebabkan mereka takut.

"Adalah baik sekarang kita memulakannya (perbincangan mengenai negara Islam) secara terbuka kerana kita tidak mahu menimbulkan salah faham," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-30 di ibu pejabat parti itu di sini.

Dr Mahathir ketika merasmikan persidangan parti Gerakan itu semalam, menyahut cabaran yang dibuat Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Dr Lim berkata konsep negara Islam di Malaysia adalah paling tepat memandangkan ia selari dengan Perlembagaan negara dengan hak mereka yang bukan beragama Islam terjamin.

Ini berlainan dengan konsep yang diperjuangkan PAS yang hanya mahukan undang-undang Syariah digunakan di negara ini termasuk terhadap orang bukan Islam serta dasar negara ditentukan oleh Majlis Ulama, katanya.

Terdahulu dalam ucapan penggulangannya, Dr Lim mahukan parti pembangkang itu secara bertulis menjelaskan konsep negara Islam yang mahu diamalkannya dan berhenti berdolak-dalik mengenai isu itu.

-- BERNAMA

MHI RON